

## Perkukuh identiti korporat PTPTN

**PETALING JAYA** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melaksanakan penjenamaan baharu terhadap pejabat cawangannya di Taiping, sekali gus mengukuhkan lagi identiti korporat serta meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap PTPTN.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, dalam memastikan identiti korporat PTPTN terus disegani dan kepercayaan yang kukuh serta imej yang positif, PTPTN telah melaksanakan penjenamaan (rebranding) secara berperingkat bermula 2020.

"Alhamdulillah, pelbagai tambah baik telah dan sedang dilaksana secara menyeluruh, antaranya merangkumi operasi, identiti produk dan imej seluruh cawangan PTPTN.

"Saya optimis dengan perasmian cawangan ini yang dapat mengukuhkan lagi identiti korporat dan meningkatkan keyakinan masyarakat kepada PTPTN.

"Justeru, kepada seluruh masyarakat negeri Perak, boleh hadir ke Cawangan Taiping bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan dan menikmati kemudahan pejabat yang lebih selesa dan kondusif," katanya dalam kenyataan semalam.

Pejabat tersebut merupakan

cawangan ketiga dan telah dirasmikan oleh Norliza.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, Datuk Salbiah Mohamed Abdul Rahim.

Jelas Norliza, bermula 2012, PTPTN telah menubuhkan Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan di seluruh negara untuk memastikan PTPTN sentiasa memberi khidmat terbaik.

"Atas komitmen inilah, sebanyak 58 Pejabat PTPTN Negeri dan Cawangan telah beroperasi di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk, Pejabat PTPTN Negeri Perak yang beroperasi pada Julai 2012 di Ipoh, merupakan antara yang terawal ditubuhkan.

"Selain itu, terdapat tiga Pejabat PTPTN Cawangan di Perak di Manjung dan Taiping yang mula beroperasi pada April 2015 serta di Teluk Intan yang mula beroperasi pada Oktober 2015," katanya.

Pada majlis tersebut, PTPTN turut menyampaikan hadiah kepada lima pemenang Kempen Cabutan Jom Bayar PTPTN bagi Negeri Perak sempena Hari Mesra Pelanggan dengan jumlah keseluruhan RM5,000.



**NORLIZA** (tiga dari kiri) dan **Salbiah** (dua dari kiri) bergambar bersama pemenang Kempen Cabutan Jom Bayar PTPTN di Taiping semalam.